



ETIQA INSURANCE BERHAD
(9557 T)
(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan yang Telah Diaudit
bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2011

9557 T

**ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Laporan para pengarah	1 - 11
Penyata para pengarah	12
Akaun berkanun	12
Laporan juruaudit bebas	13 - 14
Penyata kedudukan kewangan	15
Penyata pendapatan	16
Penyata pendapatan komprehensif	17
Penyata perubahan dalam ekuiti	18 - 19
Penyata aliran tunai	20 - 21
Nota-nota kepada penyata kewangan	22 - 142

LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka serta berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2011

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah pengunderaitan insurans hayat dan kesemua kelas perniagaan insurans am.

Tiada sebarang perubahan nyata terhadap kegiatan utama Syarikat sepanjang tempoh kewangan,

HASIL

	RM'000
Keuntungan bersih bagi tempoh kewangan semasa	<u>146,695</u>

Tiada sebarang pemindahan nyata kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tempoh kewangan semasa selain daripada yang telah dibentangkan dalam penyata kewangan.

Para pengarah berpendapat bahawa hasil kendalian Syarikat sepanjang tempoh kewangan tidak dipengaruhi oleh sebarang perkara, urusaniaga atau peristiwa yang bersifat ketara dan luar biasa

DIVIDEN

Jumlah dividen yang dibayar oleh Syarikat semenjak 30 Jun 2011 adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2011:	
Dividen interim sejumlah 158%, jumlah bersih 25% cukai ke atas 157,151,399 saham biasa yang diisytiharkan pada 4 November 2011 dan dibayar pada 21 Disember 2011.	<u>180,299</u>

Para Pengarah tidak mengesyorkan sebarang bayaran dividen akhir bagi tempoh kewangan semasa.

SKIM SAHAM KAKITANGAN KUMPULAN MAYBANK ("ESS")

Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESS") mengikut undang-undang kecil yang diluluskan oleh syarikat induk iaitu pemegang saham Malayan Banking Berhad ("Maybank") pada Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 3 Jun 2011. ESS telah dilaksanakan pada 23 Jun 2011 dan dikuatkuasakan selama tujuh (7) tahun dari tarikh efektif untuk kakitangan dan pengarah eksekutif Kumpulan Maybank yang layak.

Bilangan maksimum saham biasa Maybank bernilai RM1 di bawah ESS tidak boleh melebihi 10% daripada bilangan saham terbitan dan modal berbayar Maybank pada bila-bila masa sepanjang skim.

PARA PENGARAH

Para Pengarah Syarikat yang telah memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir dan pada masa laporan ini dibentangkan adalah seperti berikut:

Dato' Mohd Salleh Hj Harun (Pengerusi)
Dato' Johan bin Ariffin
Zainal Abidin bin Jamal
Damis Jacobus Ziengs
Hans J. J. De Cuyper
Mohamed Nor bin Abdul Hamid
Datuk R. Karunakaran
Loh Lee Soon

URUS TADBIR KORPORAT

Lembaga Pengarah ("Lembaga") bertanggungjawab memastikan pelaksanaan urustadbir korporat pada taraf yang tertinggi. Ini adalah sebahagian utama dalam melaksanakan tanggungjawab mereka bagi memelihara dan mempertingkatkan nilai pemegang kepentingan dan prestasi kewangan Syarikat.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB)

(a) Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Dalam melaksanakan tugas, Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab mematuhi Akta Insurans (“Akta”) dan Peraturan, 1996 dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia (“BNM”), termasuk BNM/RH/GL/003-1: Piawaian Minimum untuk Pengurusan Hemah Syarikat Insurans (Disatukan) dan arahan lain. Mereka juga harus mematuhi rukun asas urustadbir korporat dengan mengamalkan praktis terbaik seperti yang telah dinyatakan di bawah BNM/RH/GL/003-2: Rangka Hemah UrusTadbir Korporat bagi Syarikat Insurans. Selain daripada tanggungjawab berkanun, Lembaga Pengarah juga meluluskan keputusan-keputusan utama Syarikat berkaitan dengan pelaburan, pelupusan dan pembiayaan. Mereka memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai bagi menguruskan risiko, mengkaji dan meluluskan strategi dan objektif kewangan bagi pelaksanaan oleh pihak pengurusan. Tugas-tugas ini dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah secara langsung dan/atau melalui pelbagai jawatankuasa.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja dan polisi operasi Syarikat dan pihak pengurusan pula bertanggungjawab bagi melaksanakannya. Pengasingan tugas ini akan memperkukuhkan lagi peranan penyeliaan dan pengawasan yang dipegang oleh Lembaga Pengarah.

Oleh itu, Syarikat mempunyai struktur organisasi yang jelas menunjukkan semua saluran pelaporan di samping dokumentasi secara jelas huraian bidang kerja bagi semua kakitangan pengurusan dan eksekutif dan penilaian prestasi yang formal dilaksanakan setiap tahun.

Para Pengarah, dengan latar belakang dan pengalaman yang berbeza, apabila digabungkan membawa kemahiran dan pengetahuan khusus yang meluas yang diperlukan untuk pengurusan Syarikat.

Sepanjang tempoh kewangan, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak 3 kali dan kehadiran para pangarah adalah seperti berikut:

	Bilangan mesyuarat Lembaga	
	Dihadiri	%
Dato' Mohd Salleh Hj Harun (Pengerusi)	3/3	100
Damis Jacobus Ziengs	3/3	100
Hans J. J. De Cuyper	3/3	100
Dato' Johan bin Ariffin	3/3	100
Zainal Abidin bin Jamal	2/3	67
Mohamed Nor bin Abdul Hamid	3/3	100
Datuk R. Karunakaran	3/3	100
Loh Lee Soon	3/3	100

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB)

(b) Kebertanggungjawaban pengurusan

Sementara Lembaga Pengarah bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja dan polisi operasi Syarikat, pihak pengurusan pula bertanggungjawab dalam pelaksanaan polisi tersebut dan pencapaian objektif korporat Syarikat.

(c) Kebebasan korporat

Semua urusan ketara dengan pihak yang berkaitan telah dinyatakan dalam Nota 35 kepada penyata kewangan.

(d) Kawalan dalaman dan audit

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan bagi kawalan dalaman Syarikat dan keberkesanannya. Lembaga Pengarah mengenalpasti bahawa risiko tidak boleh disingkirkan sepenuhnya, oleh itu, sistem dan proses tertentu dilaksanakan bertujuan bagi mengurangkan dan menguruskan risiko tersebut.

Syarikat juga telah melaksanakan kawalan dalaman yang merangkumi semua lapisan kakitangan dan proses perniagaan untuk memastikan operasi Syarikat berjalan dengan berkesan dan cekap dan juga untuk menjaga aset-aset Syarikat dan kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan. Penilaian berterusan keatas keberkesanan dan kecukupan kawalan dalaman yang merangkumi pemeriksaan bebas ke atas kawalan oleh fungsi audit dalaman memastikan tindakan pembetulan diambil dengan segera jika perlu.

Laporan audit dalaman akan dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Audit ("AC") yang terawal dijadualkan selepas tarikh penerimaan laporan ini. Fungsi audit dalaman melaporkan kepada Lembaga Pengarah menerusi AC, dan keputusan dan pengesyoran akan disampaikan ke pihak pengurusan kanan dan kesemua peringkat kakitangan yang berkenaan. AC telah ditubuhkan pada peringkat syarikat induk.

Komposisi gabungan AC yang ditubuhkan di MAHB adalah seperti berikut:

	Bilangan mesyuarat AC	
	Dihadiri	%
Loh Lee Soon (Pengerusi) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	2/2	100
Damis Jacobus Ziengs Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	2/2	100
Datuk Dr. Syed Othman bin Syed Hussin Alhabshi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	2/2	100

AC telah bermesyuarat sebanyak 2 kali sepanjang tempoh kewangan.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB)

(e) Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan dalam penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC"). Objektif utama RMC adalah untuk menyelia aktiviti pihak pengurusan kanan dalam menguruskan risiko-risiko utama Syarikat dan memastikan proses pengurusan risiko dilaksanakan dan berfungsi dengan berkesan.

Syarikat telah menubuhkan RMC pada peringkat syarikat induk. Dalam melaksanakan tugasnya, RMC dibantu oleh Jawatankuasa Pelaburan pihak Lembaga Pengarah ("IC") dan Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti ("ALCO") pihak pengurusan.

Rangka kerja pengurusan risiko bagi Syarikat terdiri daripada tiga komponen utama iaitu perangkaan dasar, penyeliaan dan kawalan, serta penerimaan risiko, manakala pendekatan pengurusan risiko adalah berasaskan tiga peringkat pertahanan iaitu unit pengambilan risiko, kawalan dan kordinasi risiko dan audit dalaman. Risiko pula telah diklasifikasikan kepada tiga kategori utama, yang terdiri daripada risiko insurans, risiko kewangan (termasuk risiko pasaran, risiko kredit dan risiko lembaranimbangan) serta risiko operasi.

Terdapat proses yang berterusan bagi mengenalpasti, menilai dan menguruskan risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ia dicapai melalui fungsi-fungsi pengurusan yang telah ditetapkan dan kawalan dalaman, yang merangkumi penetapan had-had risiko operasi bagi kesemua aktiviti teras.

Komposisi gabungan RMC yang ditubuhkan di MAHB adalah seperti berikut:

Mohamed Nor Abdul Hamid (Pengerusi)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Damis Jacobus Ziengs
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Datuk R. Karunakaran
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

RMC telah bermesyuarat sebanyak 4 kali sepanjang tempoh kewangan.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB)

(f) Jawatankuasa pencalonan dan ganjaran

Syarikat akan terus menggunakan khidmat Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran ("NRC") yang telah digabungkan pada 27 Mei 2010 oleh syarikat induk muktamad, iaitu Kumpulan Malayan Banking Berhad ("MBB") sebagai sebahagian daripada struktur urustadbir Syarikat.

Objektif utama NRC adalah untuk mewujudkan prosedur yang didokumentasikan, formal dan nyata bagi pelantikan para pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk menilai keberkesanan para pengarah, Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan lain-lain jawatankuasa Lembaga Pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama.

Selain itu, NRC juga bertanggungjawab menyediakan prosedur formal yang jelas dan nyata bagi mengasaskan polisi ganjaran bagi para pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama dan memastikan ganjaran mereka adalah berdayasaing dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat.

Komposisi NRC adalah seperti berikut:

Dato' Mohd Salleh Hj Harun
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dr Hadenan bin A Jalil
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Dr Tan Tat Wai
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Zainal Abidin bin Jamal
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Alister Maitland
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

NRC telah bermesyuarat 6 kali sepanjang tempoh kewangan.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB)

(g) Jawatankuasa pelaburan

Objektif IC termasuk memberikan pendapat keatas polisi pelaburan strategic jangkamasa panjang termasuk hartanah, sebagai saranan kepada Mesyuarat Pengurusan Risiko ("RMM")/RMC/Lembaga Pengarah berasaskan nasihat ALCO, untuk melaksanakan polisi pelaburan taktikal berasaskan cadangan pengurus pelaburan dan dalam garis sempadan yang telah dinyatakan di Mandat Pengurusan Pelaburan("IMM"), untuk menguji polisi yang telah dilaksanakan oleh pengurus pelaburan dan membezakan dengan polisi pelaburan taktikal dan strategik/mandat pengurusan aset, untuk menilai dan meluluskan polisi operasi dilaksanakan oleh pengurus pelaburan. Ia juga menilai, mengulas dan menyelenggara Manual Pengurusan Pelaburan ("IMG"), berdasarkan nasihat ALCO dan berunding syarat-syarat dengan, melantik atau menamatkan khidmat pengurus dana luaran, kustodian, bank dan perantara kewangan lain.

IC melapor kepada Lembaga Pengarah kesemua syarikat beroperasi di bawah MAHB.

Komposisi IC adalah seperti berikut:

Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar (Pengerusi)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Dr. Syed Othman bin Syed Hussin Alhabshi
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Hans J. J. De Cuyper
Ketua Pegawai Eksekutif, Mayban Ageas Holdings Berhad

Mohd Din bin Merican (meletakkan jawatan sebagai Ketua Pegawai
Ketua Pegawai Eksekutif, Etiqa Insurance Berhad Eksekutif EIB pada 31 Disember 2011)

Ahmad Shahril Azuar Jimin (tempoh tamat sebagai Ketua Pegawai
Ketua Pegawai Eksekutif, Etiqa Takaful Berhad Eksekutif ETB pada 31 Disember 2011)

Datuk R. Karunakaran
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

IC telah bermesyuarat sebanyak 2 kali sepanjang tahun.

(h) Kebertanggungjawaban awam

Sebagai pentadbir dana awam, urusan Syarikat dengan orang awam sentiasa dilaksanakan secara adil, jujur dan profesional.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB)

(i) Pelaporan kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab membentangkan penilaian yang seimbang dan komprehensif berkaitan dengan operasi dan prospek Syarikat pada setiap kali penyata kewangan tahunan diterbitkan untuk pemegang saham. AC pula membantu meneliti maklumat yang dibentangkan bagi memastikan ketepatan, kesesuaian dan kesempurnaan.

MANFAAT PENGARAH

Pada penghujung tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, tidak wujud sebarang pengaturan oleh Syarikat yang membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham dalam atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat, kecuali opsiyen saham yang akan diberikan melalui ESS oleh syarikat induk muktamad, MBB.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang disertakan dalam jumlah agregat daripada emolumen diterima atau berbayar kepada para pengarah sebagaimana dinyatakan dalam Nota 29 dan 35 kepada penyata kewangan) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat perbadanan berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana dia adalah ahli, atau dengan syarikat di mana dia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Mengikut daftar pemegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tempoh kewangan dalam saham dan saham di bawah opsiyen dalam syarikat induk muktamad, Malayan Banking Berhad ("MBB") dalam tempoh kewangan adalah seperti berikut:

Bilangan Saham Biasa bernilai RM1 Sesaham

	1 Julai 2011	DRP*	Dijual	31 Disember 2011
Syarikat induk muktamad: MBB				
Kepentingan langsung:				
Dato' Mohd Salleh Hj Harun	305,981	8,801	-	314,782
Dato' Johan bin Ariffin	122,805	3,532	-	126,337
Mohamed Nor bin Abdul Hamid	10,100	290	-	10,390
Kepentingan tidak langsung:				
Mohamed Nor bin Abdul Hamid	22,751	-	-	22,751

KEPENTINGAN PARA PENGARAH (SAMB)

	Bilangan Opsyen ke atas Saham Biasa bernilai RM0.627 Sesaham			
	1 Julai 2011	Diberikan	Dilaksanakan	31 Disember 2011
Syarikat induk muktamad: MBB				
Hans J. J. De Cuyper	200,000	-	-	200,000

*DRP = Pelan Dividen Pelaburan Semula

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Selain daripada yang dinyatakan di atas, tiada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tempoh kewangan mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham Syarikat atau syarikat- syarikat perbadanan berkaitannya sepanjang tempoh kewangan.

- (a) Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan Syarikat telah dinyatakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah:
- (i) untuk memastikan agar tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapus kiraan hutang lapuk dan peruntukan hutang ragu dan para pengarah berpuashati bahawa hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang sewajarnya telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan sebarang aset semasa yang tidak pasti akan menepati nilainya sebagaimana ditunjukkan dalam rekod perakaunan dalam urusan perniagaan harian telah diturunkan nilainya kepada jumlah yang mungkin dapat direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan sebarang keadaan yang mungkin mengakibatkan:
- (i) jumlah yang telah dihapuskira sebagai hutang lapuk atau peruntukan untuk hutang ragu dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat tidak memadai keperluan; dan
 - (ii) nilai aset semasa dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat tidak tepat.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB)

- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan sebarang keadaan yang mungkin timbul sejurusnya yang mengakibatkan kaedah penilaian terkini aset atau liabiliti Syarikat salah atau tidak tepat.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang mengakibatkan jumlah dibentangkan dalam penyata kewangan tidak tepat.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tiada kewujudan:
 - (i) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang melindungi liabiliti sebarang orang; atau
 - (ii) tiada kewujudan sebarang liabiliti luar jangkaan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Pada pendapat para pengarah:
 - (i) tiada liabiliti luar jangkaan atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan menjejaskan atau mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila perlu; dan
 - (ii) tiada sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat ketara dan luar biasa yang timbul semasa akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini dibuat yang mungkin mempengaruhi secara ketara keputusan operasi Syarikat untuk tahun kewangan semasa laporan ini dibuat.

Untuk tujuan perenggan (e) dan (f), liabiliti luar jangkaan atau liabiliti-liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak pengunderaitan insurans yang dibuat dalam perniagaan harian biasa Syarikat.

- (g) Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan Syarikat dinyatakan, para pengarah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan peruntukan secukupnya untuk liabiliti insuransnya selaras dengan kaedah penilaian yang dispesifikasikan dalam Bahagian D Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("RBC") untuk syarikat insurans yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

PERUBAHAN TAHUN KEWANGAN AKHIR

Syarikat telah mengubah tahun kewangan berakhirnya daripada 30 Jun kepada 31 Disember pada permulaan tempoh kewangan, seiring dengan perubahan tahun kewangan syarikat induk utama, MBB.

Sejajar dengan itu, laporan kewangan Syarikat bagi tempoh berakhir 31 Disember 2011 adalah merangkumi tempoh enam bulan berbanding dengan dua belas bulan tahun sebelumnya yang berakhir 30 Jun 2011. Dengan itu, amaun perbandingan adalah tidak wajar dibandingkan bagi tempoh kewangan untuk penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti, penyata aliran tunai dan nota-nota berkaitan.

JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 23 Februari 2012.

DATO' MOHD SALLEH HJ HARUN

HANS J. J. DE CUYPER

9557 T

**ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PARA PENGARAH
MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965**

Kami, Dato' Mohd Salleh Hj Harun dan Hans J.J. De Cuyper, selaku dua daripada para pengarah Etiqa Insurance Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 15 hingga 142 disediakan menurut Piawaian Laporan Kewangan yang diubahsuai oleh Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, untuk memberi gambaran yang benar dan adil tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2011 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Syarikat bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah yang bertarikh 23 Februari 2012.

DATO' MOHD SALLEH HJ HARUN

HANS J. J. DE CUYPER

**AKUAN BERKANUN
MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965**

Saya, Lok Hoe San, selaku pegawai yang bertanggungjawab terutamanya ke atas pengurusan kewangan Etiqa Insurance Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 15 hingga 142 mengikut pendapat saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya
oleh LOK HOE SAN tersebut di atas
di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan
pada 23 Februari 2012

LOK HOE SAN

Di hadapan saya,
R. VASUGI AMMAL, PJK
Pesuruhjaya Sumpah

9557 T

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli-ahli
Etiqa Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Etiqa Insurance Berhad, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2011, penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Syarikat bagi tempoh berakhir tersebut dan ringkasan polisi perakaunan yang penting serta nota penjelasan yang lain pada muka surat 15 hingga 142.

Tanggungjawab para pengarah ke atas penyata kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembentangan penyata-penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan adil menurut Piawaian Laporan Kewangan yang diubahsuai oleh Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, dan juga kawalan dalaman yang mana para pengarah menentukan adalah relevan untuk penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, tidak kira akibat penipuan ataupun kesilapan.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah menyatakan pendapat tentang penyata-penyata kewangan ini berdasarkan pengauditan kami. Kami menjalankan pengauditan kami berdasarkan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta menjalankan pengauditan untuk mendapat kepastian sewajarnya sama ada penyata-penyata kewangan itu bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti pengauditan tentang jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, dan termasuk penilaian risiko tentang salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan, tidak kira akibat penipuan ataupun kesilapan. Semasa penilaian risiko itu, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan Syarikat dan pembentangan penyata-penyata kewangan yang adil untuk merangka prosedur pengauditan yang sesuai dengan keadaan, dan bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kewajaran jangkaan perakaunan yang dilakukan oleh para pengarah dan menilai pembentangan penyata-penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa bukti pengauditan yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah untuk pendapat audit kami

9557 T

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli-ahli
Etiqa Insurance Berhad (samb)
(Diperbadankan di Malaysia)**

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan itu telah disediakan mengikut Piawaian Laporan Kewangan yang diubahsuai oleh Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia untuk memberikan pandangan yang benar dan adil tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2011 dan juga prestasi kewangan dan aliran tunai Syarikat bagi tempoh berakhir tersebut.

Laporan tentang keperluan perundangan dan pengawalan lain

Mengikut keperluan dalam Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga membuat laporan bahawa pada pendapat kami, perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang diperlukan oleh Akta disimpan oleh Syarikat dengan baik menurut peruntukan Akta.

Perkara-perkara Lain

Laporan ini hanya disediakan untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai perbadanan, menurut Seksyen 174 dalam Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukannya untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab ke atas sesiapa tentang kandungan laporan ini.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Bertauliah

Nik Rahm at Kam arulzam an bin Nik Ab. Rahm an
No. 1759/02/14(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lum pur, Malaysia
23 Februari 2012

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2011

	Nota	31.12.2011 RM'000	30.6.2011 RM'000
Aset:			
Hartanah, loji dan peralatan	3	116,768	136,228
Hartanah pelaburan	4	515,070	516,360
Pajakan tanah prabayar	5	20,644	20,796
Aset tidak ketara	6	21,998	163
Pelaburan dalam syarikat sekutu	8	152	152
Pelaburan	9	12,521,592	12,216,293
Penghutang pembiayaan	10	276,092	311,916
Aset reinsurans	11	1,437,421	1,318,371
Penghutang insurans	12	278,332	289,934
Lain-lain penghutang	13	170,293	164,700
Aset derivatif	14	33,007	41,782
Aset cukai semasa		97,440	97,441
Tunai dan baki di bank		129,372	256,669
Jumlah Aset		<u>15,618,181</u>	<u>15,370,805</u>
Ekuiti dan liabiliti:			
Modal saham	15	152,151	152,151
Rizab	16	1,357,445	1,403,144
Jumlah Ekuiti		<u>1,509,596</u>	<u>1,555,295</u>
Liabiliti kontrak insurans	17	13,384,756	13,037,119
Liabiliti cukai tertunda	18	75,153	79,662
Pemiutang insurans	19	331,663	322,331
Lain-lain pemiutang	20	261,192	332,772
Liabiliti cukai semasa		55,821	43,626
Jumlah Liabiliti		<u>14,108,585</u>	<u>13,815,510</u>
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		<u>15,618,181</u>	<u>15,370,805</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	Nota	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.7.2010 hingga 30.6.2011 RM'000
Hasil kendalian	21	1,537,708	2,504,386
Premium terperoleh kasar	22(a)	1,309,151	1,928,008
Premium disid kepada syarikat reinsurans	22(b)	(359,888)	(621,234)
Premium terperoleh bersih		<u>949,263</u>	<u>1,306,774</u>
Pendapatan yuran dan komisen	23	27,703	68,064
Pendapatan pelaburan	24	294,347	488,938
Keuntungan direalisasi	25	100,728	179,091
Keuntungan nilai saksama	26	38,413	110,236
Lain-lain hasil kendalian/(perbelanjaan)	27	17,166	(34,144)
Lain-lain hasil		<u>478,357</u>	<u>812,185</u>
Manfaat dan tuntutan kasar dibayar	28(a)	(701,565)	(1,506,094)
Tuntutan disid kepada syarikat reinsurans	28(b)	75,877	241,102
Perubahan kasar kepada liabiliti kontrak	28(c)	(504,511)	(232,461)
Perubahan dalam liabiliti kontrak disid kepada syarikat reinsurans	28(d)	179,875	191,220
Manfaat dan tuntutan bersih		<u>(950,324)</u>	<u>(1,306,233)</u>
Perbelanjaan pengurusan	29	(146,311)	(232,811)
Perbelanjaan yuran dan komisen	30	(104,831)	(197,997)
Lain-lain perbelanjaan		<u>(251,142)</u>	<u>(430,808)</u>
Keuntungan sebelum cukai		226,154	381,918
Cukai	31	(79,459)	(82,899)
Keuntungan bersih bagi tempoh/tahun		<u>146,695</u>	<u>299,019</u>
Perolehan setiap saham (sen)	32		
Asas		96.41	196.53

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	Nota	1.7.2011 ke 31.12.2011 RM'000	1.7.2010 ke 30.6.2011 RM'000
Keuntungan bersih bagi tempoh/tahun		146,695	299,019
Lain-lain pendapatan komprehensif:			
Keuntungan bersih ke atas aset kewangan AFS		4,866	58,524
- Keuntungan ke atas perubahan nilai saksama		(19,045)	(41,992)
- Pemindahan kepada keuntungan atau kerugian pelupusan		3,779	(2,938)
Kesan cukai berkaitan dengan komponen lain-lain pendapatan komprehensif	31	(10,400)	13,594
(Kerugian)/keuntungan atas pertukaran matawang asing		(1,695)	14,464
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tempoh/tahun, selepas cukai		(12,095)	28,058
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh/tahun		134,600	327,077

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

9557 T

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	←-----Boleh dikaitkan kepada pemilik-----→				-----Tidak boleh diagihkan-----→	
	Modal Saham	Premium Saham	Rizab tersedia untuk jualan	Lain-lain Rizab (Nota 16)	Boleh Diagihkan Keuntungan Tertahan	Jumlah Ekuiti
Nota	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Julai 2011	152,151	17,728	61,978	14,519	1,308,919	1,555,295
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh	-	-	(10,400)	(1,695)	146,695	134,600
Pemindahan daripada rizab penilaian semula atas pelupusan	-	-	-	(240)	240	-
Urusan dengan pemilik						
Dividen ke atas saham biasa	-	-	-	-	(180,299)	(180,299)
Pada 1 Disember 2011	152,151	17,728	51,578	12,584	1,275,555	1,509,596

9557 T

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI (SAMB)
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	←-----Boleh dikaitkan kepada pemilik-----→					
	←-----Tidak boleh diagihkan-----→			Boleh Diagihkan		
	Modal Saham	Premium Saham	Rizab tersedia untuk jualan	Lain-lain Rizab (Nota 16)	Keuntungan Tertahan	Jumlah Ekuiti
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Julai 2010	152,151	17,728	36,681	55	1,009,900	1,216,515
Pemindahan daripada Sri MLAB (Nota 36)	-	-	11,703	-	-	11,703
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	13,594	14,464	299,019	327,077
Pada 30 Jun 2011	152,151	17,728	61,978	14,519	1,308,919	1,555,295

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.7.2010 hingga 30.6.2011 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN		
Keuntungan sebelum cukai	226,154	381,918
Pelarasan untuk:		
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	7,955	6,762
Pelunasan aset tidak ketara	1,976	129
Keuntungan penjualan hartanah pelaburan	(69)	-
Keuntungan nilai saksama atas pelaburan	(53,528)	(94,888)
Keuntungan nilai saksama atas hartanah pelaburan	(40)	(27,030)
Pelunasan pajakan tanah prabayar	152	252
Pertambahan diskaun	(14,982)	(31,344)
Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	-	(180)
Keuntungan atas pelupusan bayaran pajakan tanah prabayar	-	(70)
(Keuntungan)/kerugian ke atas pertukaran asing (Kemasukan kira semula)/peruntukan kerosotan nilai penghutang insurans	(14,826)	7,411
Hutang lapuk dilupus/(diperoleh semula)	(2,904)	22,795
Keuntungan bersih atas pelupusan pelaburan	2,340	(388)
Pendapatan faedah	(100,659)	(178,841)
Peruntukan kerosotan nilai ke atas pelaburan	(237,700)	(386,000)
Kerosotan nilai hartanah, loji dan peralatan	15,155	11,682
Kerosotan nilai bayaran pajakan tanah prabayar	-	37
Pendapatan dividen kasar	-	13
Pendapatan sewa	(28,138)	(43,946)
Kerugian daripada operasi sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti kendalian	(16,127)	(31,707)
Perubahan dalam modal kerja:	(215,241)	(363,395)
Peningkatan dalam aset reinsurans	(119,050)	(271,860)
Pengurangan dalam penghutang insurans	15,681	451
(Peningkatan)/pengurangan dalam lain-lain penghutang	(6,812)	9,114
Pengurangan dalam pinjaman	35,664	177
Pengurangan dalam jumlah kena dibayar kepada pihak berkaitan	8,650	2,075
(Pengurangan)/peningkatan dalam lain-lain pemiutang	(76,075)	96,627
Peningkatan dalam liabiliti kontrak insurans	438,721	322,095
Peningkatan/(pengurangan) dalam pemiutang insurans	11,730	(36,115)

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMB)
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	1.7.2011	1.7.2010
	hingga	hingga
	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN		
Peningkatan dalam LAR	(151,996)	(41,746)
Pendapatan faedah diterima	237,864	399,229
Pendapatan dividen diterima	27,488	42,380
Pendapatan sewa diterima	10,321	34,467
Naik turun pertukaran asing	(1,695)	14,463
Tunai dihasilkan daripada operasi	<u>215,250</u>	<u>207,962</u>
Cukai dibayar	(60,070)	(59,235)
Tunai bersih dihasilkan daripada kegiatan kendalian	<u>155,180</u>	<u>148,727</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN		
Perolehan daripada pelupusan pelaburan	1,781,317	2,246,656
Pembelian pelaburan	(1,872,584)	(1,981,094)
Perolehan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	4,772	425
Perolehan daripada jualan bayaran pajakan tanah prabayar	-	576
Perolehan daripada jualan hartanah pelaburan	1,400	-
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(13,488)	(8,362)
Pembelian aset bersih Sri MLAB (Nota 36)	-	(285,888)
Pembelian aset tidak ketara	(3,595)	-
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan	<u>(102,178)</u>	<u>(27,687)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN		
Dividen dibayar	(180,299)	-
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan	<u>(180,299)</u>	<u>-</u>
(Pengurangan)/peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai	(127,297)	121,040
Tunai dan setara tunai pada permulaan tempoh/tahun kewangan	256,669	104,181
Pemindahan daripada Sri MLAB (Nota 36)	-	31,448
Tunai dan setara tunai pada akhir tempoh/tahun kewangan	<u>129,372</u>	<u>256,669</u>
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:		
Tunai dan baki bank:		
Dana insurans am dan dana pemegang saham	88,044	177,737
Dana insurans hayat	41,328	78,932
	<u>129,372</u>	<u>256,669</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2011

1. MAKLUMAT KORPORAT

Kegiatan utama Syarikat adalah pengunderaitan perniagaan insurans hayat dan semua kelas perniagaan insurans am.

Tiada sebarang perubahan nyata dalam kegiatan utama Syarikat sepanjang tempoh kewangan dari 1 Julai 2011 sehingga 31 Disember 2011.

Syarikat ini adalah syarikat awam liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Aras 19, Tower C, Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.

Syarikat induk kepada Syarikat ialah Mayban Ageas Holdings Berhad ("MAHB") dan syarikat induk muktamad kepada Syarikat ialah Malayan Banking Berhad ("MBB"). Kedua-duanya diperbadankan di Malaysia. MBB ialah sebuah bank komersial berlesen yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Tahun kewangan berakhir Syarikat telah diubah daripada 30 Jun kepada 31 Disember, seiring dengan perubahan tahun kewangan syarikat induk muktamad, MBB. Sejalan dengan itu, laporan kewangan Syarikat bagi tempoh berakhir 31 Disember 2011 adalah merangkumi tempoh enam bulan berbanding dengan dua belas bulan tahun sebelumnya yang berakhir 30 Jun 2011. Dengan itu, amaun perbandingan adalah tidak wajar dibandingkan bagi tempoh kewangan untuk penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 23 Februari 2012.

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menurut Garis Panduan dan Akta Syarikat, 1965, di Malaysia, Akta Insurans, 1996 dan Piawaian Laporan Kewangan ("FRS") sepertimana yang diubahsuai oleh Bank Negara Malaysia ("BNM"). Pengubahsuaian sepertimana terbentang dalam Nota 17 kepada penyata kewangan.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB)

2.1 Asas Penyediaan (Samb)

Pada awal tempoh kewangan semasa, Syarikat telah menggunakan sepenuhnya Piawaian Laporan Kewangan ("FRS") yang baru dan telah disemak semula, Interpretasi Jawatankuasa Terbitan ("IC"), pindaan FRSs di Malaysia dan Pengumuman Teknikal di mana ianya adalah mandatori untuk tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2011 seperti yang telah dinyatakan sepenuhnya di Nota 2.3

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah, kecuali sepertimana yang dinyatakan di dalam dasar perakaunan di bawah.

Syarikat telah memenuhi keperluan modal minimum seperti dinyatakan di dalam Rangka Kerja RBC yang diterbitkan oleh BNM pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Aset kewangan dan liabiliti kewangan diimbangkan dan hanya jumlah bersih dilaporkan dalam lembaran imbangan apabila terdapat hak boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi jumlah yang diiktiraf dan terdapat niat penyelesaian atas dasar bersih, atau untuk merealisasikan aset bersih dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak akan diimbangi dalam penyata pendapatan kecuali diperlukan atau dibenarkan oleh piawaian atau interpretasi perakaunan, seperti dibentangkan secara khas dalam polisi perakaunan Syarikat.

Penyata-penyata kewangan telah dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan digenapkan kepada nilai ribu terhampir ("RM'000") kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting

(a) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Semua item hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dicatatkan pada kos. Kos berikutnya dimasukkan dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan perkara tersebut akan mengalir kepada Syarikat dan kos perkara tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bagi bahagian yang diganti tidak diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain adalah dicaj kepada keuntungan atau kerugian dalam tempoh kewangan di mana ia ditanggung.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)

(a) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai (Samb)

Selepas pengiktirafan awal, hartanah, loji dan peralatan, kecuali tanah dan bangunan tertentu, dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian terjejas terkumpul.

Tanah pegangan kekal mempunyai penggunaan tidak terbatas. Oleh itu, ia tidak disusutnilai.

Kerja-kerja pengubahsuaian dalam pembinaan juga tidak disusutnilai kerana aset-aset ini belum lagi sedia untuk digunakan.

Bangunan di atas tanah pegangan pajak disusutnilaikan sepanjang tempoh 50 tahun atau tempoh selebihnya daripada pajakan masing-masing yang mana lebih pendek.

Susutnilai bagi hartanah, loji dan peralatan yang lain diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk melupuskan kos setiap aset kepada nilai sisanya berdasarkan anggaran hayat penggunaannya pada kadar tahunan berikut:

Bangunan atas tanah pegangan kekal	2%
Perabot,engkapan, peralatan dan pengubahsuaian	20% - 25%
Peralatan komputer	25%
Peralatan elektrik dan sekuriti	10%
Kenderaan bermotor	25%

Nilai sisa, hayat penggunaan dan kaedah susutnilai akan dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan untuk memastikan jumlah, kaedah dan jangkamasa susutnilai adalah konsisten dengan anggaran sebelumnya dan jangkaan penggunaan faedah ekonomi masa depan dimuatkan dalam perkara hartanah, loji dan peralatan.

Sesuai item hartanah, loji dan peralatan tidak diiktiraf ke atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusan. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa bersih diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)

(b) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau pertambahan modal atau kedua-duanya. Hartanah ini akan dinilai pada mulanya mengikut kos, termasuk kos transaksi. Sejurus pengiktirafan pada mulanya, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama. Nilai saksama dicapai dengan merujuk kepada bukti pasaran harga transaksi untuk hartanah yang serupa dan dilakukan oleh firma penilai profesional bebas yang mempunyai kelayakan profesional sesuai yang diiktiraf dan pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori hartanah yang dinilai dan/atau di antara itu penilaian berkala oleh ahli profesional dalaman, sebagaimana yang dianggap sesuai.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian pada tahun ia berlaku.

Kepentingan hartanah di bawah pajakan operasi diklasifikasikan dan diambilkira sebagai hartanah pelaburan atas dasar hartanah atas hartanah apabila Syarikat memegangnya untuk mendapatkan sewa atau pertambahan modal atau kedua-duanya. Kepentingan hartanah seperti ini di bawah pajakan operasi diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan yang dibawa pada nilai saksama.

Pemindahan dibuat kepada atau daripada hartanah pelaburan hanya apabila terdapat perubahan dalam penggunaan. Untuk pemindahan dari hartanah pelaburan kepada harta sendiri, kos yang dianggap bagi perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam penggunaan. Untuk pemindahan daripada harta sendiri kepada hartanah pelaburan, harta itu diambilkira selaras dengan polisi perakaunan untuk hartanah, loji dan peralatan yang dinyatakan dalam Nota 2.2 (a) sehingga tarikh perubahan dalam penggunaan.

Hartanah pelaburan tidak lagi diiktiraf apabila dilupuskan atau apabila hartanah pelaburan tidak lagi digunakan dan tiada faedah ekonomi masa depan dijangkakan daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penamatan atau pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian pada tahun kewangan ia berlaku.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)

(c) Pajakan

(i) Klasifikasi

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika ia dipindahkan dengan banyak ke Syarikat. Kesemua risiko dan ganjaran adalah berkaitan dengan pemilikan. Pajakan tanah dan bangunan diklasifikasikan sebagai pajakan operasi atau kewangan seperti pajakan aset lain. Elemen tanah dan bangunan untuk pajakan tanah dan bangunan diambilkira secara berasingan untuk tujuan pengklasifikasian pajakan.

Semua pajakan yang tidak memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran adalah diklasifikasikan sebagai pajakan operasi kecuali:

- Harta yang dipegang di bawah pajakan operasi yang sebaliknya memenuhi takrifan hartanah pelaburan adalah diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan atas dasar hartanah dan jika diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan, diambilkira seolah-olah dipegang di bawah pajakan kewangan; dan
- Harta yang dipegang di bawah pajakan operasi, di mana nilai saksamanya tidak dapat dinilai secara asing daripada bangunan yang ada pada masa bermulanya pajak diambilkira seolah-olah dipegang dibawah pajakan kewangan kecuali sekiranya bangunan tersebut dengan jelas dipegang di bawah pajakan operasi.

(ii) Pajakan kewangan - Syarikat sebagai Penerima Pajakan

Hayat penggunaan semua bangunan di atas tanah pegangan pajak adalah lebih pendek daripada tempoh pajakan tanah pegangan pajak yang mempunyai bangunan-bangunan itu. Oleh itu, semua risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset-aset ini akan dipindahkan dengan banyak ke Syarikat pada akhir hayat penggunaannya. Jadi, semua bangunan di atas tanah pegangan pajak diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan dalam penyata kewangan.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)

(ii) Pajak kewangan - Syarikat sebagai Penerima Pajak (Samb)

Bangunan di bawah pegangan pajak kewangan diiktiraf sebagai aset dalam Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat dan diukur mengikut FRS 116 - Hartanah, Loji dan Peralatan dan FRS 140 - Hartanah Pelaburan.

(iii) Pajak Operasi - Syarikat sebagai Pemberi Pajak

Aset yang dipajakan di bawah pajak operasi dibentangkan dalam lembaranimbangan mengikut sifat aset. Sewa pendapatan daripada pajak operasi diiktiraf mengikut dasar garis lurus sepanjang tempoh pajak yang relevan. Kos langsung pada permulaan yang ditanggung semasa perbincangan dan penyusunan pajak operasi ditambah ke nilai dibawa aset pajak dan diiktiraf atas dasar garis lurus sepanjang tempoh pajak.

(iv) Pajak Operasi - Syarikat sebagai Penerima Pajak

Bayaran pajak operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajak yang berkaitan. Dalam kes pajak tanah dan bangunan, bayaran pajak minimum atau pembayaran pendahuluan yang dibuat diperuntukkan, apabila perlu, antara unsur-unsur tanah dan bangunan dalam nisbah nilai saksama relatif bagi kepentingan pegangan pajak dalam elemen tanah dan bangunan pajak pada permulaan pajak.

Bayaran terdahulu mewakili bayaran pajak prabayar dan dilunaskan atas dasar garislurus sepanjang tempoh pajak.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)

(d) Aset Tidak Ketara

Aset tidak ketara lain termasuk kos pembangunan perisian dan perisian. Aset tidak ketara yang diperolehi secara berasingan diukur pada pengiktirafan terdahulu pada kos. Kos aset tidak ketara yang diperolehi dalam gabungan perniagaan ialah nilai saksamanya pada tarikh perolehannya. Berikutan pengiktirafan terdahulu, aset tidak ketara dibawa pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian terjejas terkumpul. Hayat penggunaan aset tidak ketara dinilai samaada ia terhingga atau tidak terhingga.

Aset tidak ketara dengan hayat terhingga dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang hayat penggunaan ekonominya yang dianggarkan dan dinilai rosot nilainya apabila terdapat tanda bahawa aset tidak ketara itu mungkin rosot nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan untuk aset tidak ketara dengan hayat penggunaan yang terhingga dikaji semula sekurang-kurangnya pada tarikh setiap penyata kedudukan kewangan.

Hayat penggunaan aset tidak ketara dengan hayat terhingga tidak dilunaskan tetapi diuji rosot nilainya setiap tahun atau lebih kerap jika peristiwa atau perubahan keadaan menandakan bahawa nilai dibawa mungkin rosot nilai secara individu atau pada tahap unit penjanaaan tunai.

Hayat penggunaan aset tidak ketara dengan hayat tidak terhingga dikaji semula setiap tahun untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna masih boleh dikekalkan.

(i) Kos Pembangunan Perisian

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara tersebut timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusanniaga yang bukan satu penggabungan perniagaan dan pada masa urusanniaga ia tidak memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda dikira mengikut kadar cukai yang dianggarkan akan digunakan pada tempoh di mana aset itu direalisasi atau liabiliti itu dilangsaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubalkan atau digubalkan secara hakiki pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan di dalam keuntungan atau kerugian untuk tempoh tersebut, kecuali apabila ia timbul daripada urusanniaga yang diiktiraf secara langsung di dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga akan dicaj atau dikreditkan langsung ke dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada perniagaan gabungan yang merupakan pemerolehan.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)

(w) Cukai Pendapatan (Samb)

Dalam kes-kes itu, cukai tertunda dinyatakan dalam muhibah yang terhasil atau jumlah yang terlebih daripada faedah syarikat pembeli dalam nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti luar jangkaan yang dikenalpasti oleh syarikat yang dibeli daripada kos gabungan.

(x) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dikelaskan menurut kandungan perjanjian kontrak yang dimeterai dan definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop FRS139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai sama ada liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian atau lain-lain tanggungan kewangan.

Sepanjang tempoh kewangan dan pada tarikh pelaporan, Syarikat tidak mengklasifikasikan mana-mana liabiliti kewangan FVTPL.

Liabiliti kewangan Syarikat terdiri daripada pemiutang, hutang dan pinjaman. Pemiutang diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama campur kos urusan secara langsung dan kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

Hutang dan pinjaman pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama iaitu nilai bersih selepas kos transaksi yang ditanggung dan seterusnya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif. Pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti semasa kecuali jika Syarikat mempunyai hak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti tersebut sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tempoh kewangan.

Liabiliti kewangan tidak diiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti ditamatkan. Apabila liabiliti kewangan yang sedia ada digantikan oleh orang selain dari pemberi pinjaman yang sama atas terma yang berbeza dengan ketara, atau segi liabiliti yang sediaada sebahagian besarnya diubahsuai, apa-apa pertukaran atau pengubahsuaian yang dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru, dan perbezaan dalam jumlah dibawa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)

(y) Pemiutang insurans

Pemiutang insurans adalah diiktiraf apabila genap masa dan diukur pada pengiktirafan permulaan pada nilai saksama anggaran yang dibayar/terhutang tolak kos urusniaga yang berkaitan secara langsung. Selepas pengiktirafan awal, ia diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah hasil efektif.

(z) Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dan baki bank. Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung.

(za) Instrumen ekuiti

Saham biasa adalah dikelaskan sebagai ekuiti. Dividen ke atas saham biasa diiktiraf dan diambil kira di dalam ekuiti dalam tempoh di mana ia diisytiharkan.

2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan dan kesan dari penerimaan FRS yang baru dan yang disemak semula

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai oleh Syarikat adalah konsisten dengan tahun kewangan sebelumnya kecuali penggunaan FRS baru, Pindaan kepada FRS dan Interpretasi IC dan Pengumuman Teknikal.

Pindaan kepada FRS 1 *Pengecualian Terhadap daripada Perbandingan Pendedahan FRS 7 untuk Pengguna Kali Pertama dan Pengecualian Tambahan untuk Pengguna Kali Pertama*

Pindaan kepada FRS 2 *Transaksi Bayaran Berasaskan Saham Penyelesaian Tunai Saham*

Pindaan kepada FRS 5 *Aset Bukan Semasa yang Dipegang untuk Jualan dan Dihentikan Operasi*

Pindaan kepada FRS 7 *Peningkatan Pendedahan Instrumen Kewangan*

Interpretasi IC 4 *Menentukan Sekiranya Perjanjian Mengandungi Pajakan*

Interpretasi IC 18 *Pemindahan Aset dari Pelanggan*

Interpretasi IC 19 *Melupakan Liabiliti Kewangan dengan Instrumen Ekuiti*

Pindaan kepada Interpretasi IC 14 *Prabayaran untuk Keperluan Pembayaran Minimum*

TR i-4 *Kontrak Penjualan Pematuhan Shariah*

Pindaan kepada FRS dalam dokumen bertajuk Peningkatan kepada FRS (2010)

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB)

2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan dan kesan dari penerimaan FRS yang baru dan yang disemak semula (Samb)

Penggunaan FRS, Pindaan kepada FRS, Interpretasi IC dan Pengumuman Teknikal tidak mempunyai apa-apa kesan yang ketara keatas prestasi kewangan atau kedudukan Syarikat kecuali bagi mereka yang dibincangkan di bawah:

(a) Pindaan kepada FRS 7 Peningkatkan Pendedahan Instrumen Kewangan

Pendedahan nilai saksama dan pencairan telah meningkat setelah pindaan ini dilaksanakan. Terutamanya instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama didedahkan mengikut kelas dalam tiga peringkat nilai saksama mengikut hierarki pengukuran serta pendedahan terperinci pada tahap tiga hierarki nilai saksama. Ada juga pendedahan ke atas pencairan yang telah diubahsuai. Penggunaan pindaan ini telah memberikan pendedahan tambahan kepada nilai saksama instrumen kewangan Syarikat. Ia tidak mempunyai kesan kewangan ke atas Syarikat.

2.4 Perubahan dalam Dasar Perakaunan

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") telah menerbitkan dasar perakaunan baru diluluskan MASB, Laporan Piawaian Kewangan Malaysia ("Rangka Kerja MFRS").

Syarikat perlu membentangkan kenyataan kewangan menggunakan Rangka Kerja MFRS dalam pembentangan kenyataan kewangan pertama MFRS untuk tahun berakhir 31 Disember 2012. Dalam pembentangan kenyataan kewangan pertama MFRS, Syarikat perlu membentangkan semula kenyataan kewangan perbandingan untuk mencerminkan aplikasi Rangka Kerja MFRS. Majoriti pelarasan yang diperlukan ke atas peralihan akan dibuat secara retrospektif, terhadap keuntungan tertahan permulaan.

Walau bagaimanapun, penggunaan Rangka Kerja MFRS dijangka tidak memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan Syarikat.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB)****2.5 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Penting****(a) Pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan**

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi FRS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan tentang penggunaan anggaran dan membuat andaian mempengaruhi pemakaian dasar dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Walaupun anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik pihak pengurusan tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut. Anggaran perakaunan kritikal dan andaian yang digunakan yang mempunyai kesan ketara kepada penyata kewangan, dan bahagian yang melibatkan tahap pertimbangan dan kerumitan, dinyatakan seperti berikut:

(i) Klasifikasi di antara Hartanah Pelaburan dan Hartanah, Loji dan Peralatan

Syarikat telah membentuk kriteria tertentu berdasarkan FRS 140 dalam membuat pertimbangan sama ada hartanah layak untuk diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan. Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk perolehan sewa atau untuk peningkatan modal atau keduanya.

Sesetengah hartanah terdiri daripada bahagian yang dipegang untuk mendapatkan sewa atau untuk kenaikan nilai modal dan bahagian lain yang dipegang untuk digunakan untuk pengeluaran atau bekalan barangan atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Sekiranya bahagian ini boleh dijual secara berasingan (atau dipajak secara berasingan di bawah pajakan kewangan), Syarikat akan mengambil kira bahagian tersebut secara berasingan. Sekiranya bahagian itu tidak dapat dijual secara berasingan, hartanah itu merupakan hartanah pelaburan hanya sekiranya bahagian tidak ketara dipegang untuk digunakan dalam pengeluaran atau bekalan barangan atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran.

(ii) Kemerosotan Aset Sedia untuk Jualan

Pertimbangan penting diperlukan untuk menilai rosot nilai bagi pelaburan sedia untuk jualan. Syarikat menilai tempoh dan sejauh mana nilai saksama pelaburan adalah kurang daripada kos; kesihatan kewangan dan prospek perniagaan jangka terdekat bagi pelaburan, termasuk tetapi tidak terhad kepada faktor-faktor seperti prestasi industri dan sektor, perubahan dalam teknologi dan operasi dan aliran tunai kewangan.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB)

2.5 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Penting (Samb)

(a) Pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan (Samb)

(iii) Pemerosotan Nilai Penghutang

Syarikat membuat penilaian pada setiap tarikh pelaporan samaada terdapat sebarang bukti objektif nilai penghutang telah rosot nilai. Untuk menentukan samaada terdapat bukti objektif rosot nilai, Syarikat mematuhi Garis Panduan BNM bagi Laporan Kewangan bagi Penanggung Insurans (BNM/RH/GL003-28). Menurut Garis Panduan, bukti objektif rosot nilai adalah disifatkan wujud di mana penghutang yang dinilai secara individu untuk rosot nilai telah melebihi had tertunggak melebihi 9 hari atau 3 bulan. Faktor-faktor lain yang dipertimbangkan oleh Syarikat adalah kebarangkalian masalah solvensi atau masalah kewangan yang besar dihadapi penghutang dan kemungkiran atau kelewatan ketara dalam pembayaran.

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggapan utama berkenaan masa depan dan sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada tarikh pelaporan yang mempunyai kesan risiko besar menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan di bawah:

(i) Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos loji dan peralatan sebuah bangunan misalnya, lif dan lain-lain dan sifat-sifat sendiri menyusut nilai atas dasar garis lurus sepanjang baki kehidupan yang dianggarkan berguna. Syarikat menganggarkan jangka hayat loji dan peralatan dalam tempoh 5 hingga 10 tahun.

Kos bangunan sendiri menyusut nilai atas dasar garis lurus. Syarikat menganggarkan jangka hayat 50 tahun.

(ii) Penilaian Hartanah Pelaburan

Pengukuran nilai saksama untuk hartanah pelaburan dicapai dengan merujuk kepada bukti pasaran harga transaksi untuk hartanah yang serupa. Penilaian sepenuhnya keatas hartanah pelaburan dijalankan oleh firma penilai profesional bebas pada jangka masa yang tetap, tidak kurang daripada setiap 3 tahun. Penilaian diantara berkala bagi hartanah pelaburan akan dilaksanakan oleh penilai profesional dalaman.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB)

2.5 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Penting (Samb)

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Samb)

(iii) Pelunasan dan Rosot Nilai Lain-lain Aset Tidak Ketara

Aset tidak ketara yang boleh dipisahkan dan dijual serta mempunyai hayat penggunaan yang terhingga dilunaskan mengikut anggaran hayat penggunaannya.

Penentuan anggaran hayat penggunaan aset tidak ketara ini memerlukan pihak pengurusan untuk menganalisis keadaan, industri dan amalan pasaran, dan juga menggunakan pertimbangan. Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, atau lebih kerap, iaitu apabila mengikut kejadian atau perubahan keadaan, aset tidak ketara dinilai tanda-tanda rosot nilainya. Jika tanda rosot nilai hadir, aset-aset ini tertakluk kepada kajian semula rosot nilainya. Kajian semula rosot nilai termasuk perbandingan jumlah dibawa aset dengan jumlah boleh diterima.

(iv) Ketidakpastian dalam anggaran perakaunan bagi perniagaan Insurans Am (Samb)

Ketidakpastian utama dalam perniagaan insurans am timbul daripada peruntukan teknikal termasuk peruntukan liabiliti premium dan tuntutan. Asas penilaian untuk liabiliti-liabiliti ini diterangkan pada Nota 2.2 (m).

Asas penilaian rizab premium belum diperolehi dijelaskan dalam penyata dasar perakaunan yang berkaitan, manakala liabiliti tuntutan terdiri daripada peruntukan untuk tuntutan tertunggak. Secara amnya, liabiliti tuntutan ditentukan berdasarkan pengalaman tuntutan terdahulu, pengetahuan yang sediaada peristiwa, terma dan syarat-syarat dasar-dasar yang berkaitan dan interpretasi keadaan. Yang lebih relevan adalah pengalaman yang lepas dengan kes serupa, arah perkembangan tuntutan sejarah, perubahan perundangan, keputusan kehakiman, keadaan ekonomi dan tuntutan yang mengendalikan prosedur. Ia adalah pasti bahawa sumbangan masa depan sebenar dan liabiliti tuntutan tidak akan membentuk seperti diramalkan dan berbeza dari anggaran.

Oleh itu, anggaran kontrak liabiliti insurans am adalah sensitif kepada pelbagai faktor dan ketidaktentuan dan premium sebenar pada masa hadapan dan liabiliti tuntutan tidak boleh membangunkan tepat seperti yang diunjurkan dan boleh berubah dengan ketara daripada anggaran awal.

Ada kemungkinan keselaan laporan di antara berlakunya peristiwa insurans dan masa peristiwa itu dilaporkan. Berikutan mengenalpasti dan notis kerugian insurans, mungkin lagi ada ketidakpastian seperti inflasi, interpretasi kehakiman, penukaran undang-undang dan prosedur menguruskan tuntutan.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB)

2.5 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Penting (Samb)

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Samb)

(v) Penilaian Liabiliti Insurans Hayat

Terdapat beberapa sumber ketidakpastian yang perlu dipertimbangkan dalam membuat anggaran liabiliti insurans hayat.

Andaian utama yang digunakan berkaitan dengan mortaliti, morbiditi, umur panjang, perbelanjaan pengeluaran kadar, dan kadar diskaun.

Anggaran ini diselaraskan apabila sesuai untuk mencerminkan pendedahan risiko yang unik Syarikat, menyediakan asas bagi penilaian faedah dasar yang perlu dibayar pada masa hadapan.

(vi) Cukai tertunda

Implikasi cukai tertunda yang timbul daripada perubahan dalam kadar cukai pendapatan korporat diukur dengan merujuk kepada realisasi anggaran dan penyelesaian perbezaan sementara pada tempoh masa hadapan dimana kadar cukai dijangka akan digunakan, berdasarkan kadar cukai yang digubal atau pasti digubal pada tarikh penyata kewangan. Walaupun anggaran pihak pengurusan tentang realisasi dan penyelesaian perbezaan sementara adalah berdasarkan maklumat yang sedia ada pada tarikh lembaranimbangan, perubahan dalam strategi perniagaan, prestasi operasi masa hadapan dan faktor-faktor lain boleh memberi kesan ke atas masa sebenar dan jumlah perbezaan sementara direalisasi dan diselesaikan. Sebarang perbezaan di antara jumlah sebenar dan jumlah anggaran akan diambilkira dalam penyata pendapatan pada tempoh realisasi dan penyelesaian sebenarnya berlaku.

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua elaun rosot nilai pelaburan, pelunasan premium bersih dalam pelaburan dan perbezaan sementara lain setakat yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana faedah yang boleh digunakan. Pertimbangan pengurusan yang penting diperlukan untuk menentukan amaun aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan masa dan tahap keuntungan masa depan kena cukai bersama-sama dengan strategi perancangan cukai masa depan.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Hartanah # RM'000	Perabot & kelengkapan, peralatan & peng- ubahsuaian RM'000	Peralatan komputer RM'000	Peralatan elektrik dan keselamatan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Pengubah suaian & bangunan dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
31.12.2011							
Kos							
Pada 1 Julai 2011	121,660	103,910	97,906	18,621	1,124	27,899	371,120
Pertambahan	-	6,669	756	2,758	-	3,305	13,488
Pelupusan	-	(1,383)	(310)	-	-	(3,091)	(4,784)
Pengelasan semula	-	(7,942)	79	7,721	-	(20,093)	(20,235)
Perbezaan pertukaran	(17)	(12)	(5)	-	(3)	-	(37)
Pada 31 Disember 2011	121,643	101,242	98,426	29,100	1,121	8,020	359,552
Susutnilai dan Kerugian							
Rosot Nilai Terkumpul							
Pada 1 Julai 2011	30,438	87,496	97,557	18,609	792	-	234,892
Caj/(pembalikan) tempoh semasa	1,109	6,444	(24)	360	66	-	7,955
Pelupusan	-	(27)	(3)	-	-	-	(30)
Pengelasan semula	-	(7,602)	-	7,602	-	-	-
Perbezaan pertukaran	(12)	(15)	(4)	-	(2)	-	(33)
Pada 31 Disember 2011	31,535	86,296	97,526	26,571	856	-	242,784
Nilai Buku Bersih	90,108	14,946	900	2,529	265	8,020	116,768

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB)

	Hartanah # RM'000	Perabot & kelengkapan, peralatan & peng- ubahsuaian RM'000	Peralatan komputer RM'000	Peralatan elektrik dan keselamatan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Pengubah suaian & bangunan dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
30.6.2011							
Kos							
Pada 1 Julai 2010	65,653	70,883	89,842	-	749	30,177	257,304
Pertambahan	-	4,273	184	12	12	3,881	8,362
Pelupusan	(430)	(231)	(17)	-	-	-	(678)
Pengelasan semula	-	5,428	-	-	-	(5,428)	-
Pindahan dari:							
- Sri MLAB (Nota 36)	56,284	23,789	7,873	18,609	322	-	106,877
-Lain-lain	-	(200)	-	-	-	(731)	(931)
Perbezaan pertukaran	153	(32)	24	-	41	-	186
Pada 30 Jun 2011	121,660	103,910	97,906	18,621	1,124	27,899	371,120
Susutnilai dan Kerugian							
Rosot Nilai Terkumpul							
Pada 1 Julai 2010	17,577	62,211	89,501	-	335	-	169,624
Caj tahun semasa	1,842	4,318	183	310	109	-	6,762
Pelupusan	(185)	(230)	(17)	-	-	-	(432)
Pindahan dari:							
- Sri MLAB (Nota 36)	11,070	21,255	7,873	18,299	322	-	58,819
Susutnilai dan kerugian	37	-	-	-	-	-	37
Perbezaan pertukaran	97	(58)	17	-	26	-	82
Pada 30 Jun 2011	30,438	87,496	97,557	18,609	792	-	234,892
Nilai Buku Bersih	91,222	16,414	349	12	332	27,899	136,228

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB)

Hartanah terdiri daripada :

	Tanah milik bebas RM'000	Bangunan atas tanah milik bebas RM'000	Bangunan atas tanah pegangan pajak RM'000	Jumlah RM'000
31.12.2011				
Kos				
Pada 1 Julai 2011	3,620	8,010	110,030	121,660
Perbezaan pertukaran	-	-	(17)	(17)
Pada 31 Disember 2011	<u>3,620</u>	<u>8,010</u>	<u>110,013</u>	<u>121,643</u>
Susutnilai dan Kerugian				
Rosot Nilai Terkumpul				
Pada 1 Julai 2011	-	4,701	25,737	30,438
Caj tempoh semasa	-	9	1,100	1,109
Pengelasan semula	-	528	(528)	-
Perbezaan pertukaran	-	-	(12)	(12)
Pada 31 Disember 2011	<u>-</u>	<u>5,238</u>	<u>26,297</u>	<u>31,535</u>
Nilai Buku Bersih	<u>3,620</u>	<u>2,772</u>	<u>83,716</u>	<u>90,108</u>

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB)

Hartanah terdiri daripada :

	Tanah milik bebas RM'000	Bangunan atas tanah milik bebas RM'000	Bangunan atas tanah pegangan pajak RM'000	Jumlah RM'000
30.6.2011				
Kos				
Pada 1 Julai 2010	3,620	8,010	54,023	65,653
Pelupusan	-	-	(430)	(430)
Pindahan dari:				
- Sri MLAB (Nota 36)	-	-	56,284	56,284
Perbezaan pertukaran	-	-	153	153
Pada 30 Jun 2011	<u>3,620</u>	<u>8,010</u>	<u>110,030</u>	<u>121,660</u>
Susutnilai dan Kerugian				
Rosot Nilai Terkumpul				
Pada 1 Julai 2010	-	4,682	12,895	17,577
Caj tahun semasa	-	-	1,842	1,842
Pelupusan	-	-	(185)	(185)
Pindahan dari:				
- Sri MLAB (Nota 36)	-	-	11,070	11,070
Susutnilai dan kerugian	-	19	18	37
Perbezaan pertukaran	-	-	97	97
Pada 30 Jun 2011	<u>-</u>	<u>4,701</u>	<u>25,737</u>	<u>30,438</u>
Nilai Buku Bersih	<u>3,620</u>	<u>3,309</u>	<u>84,293</u>	<u>91,222</u>

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

4. HARTANAH PELABURAN

	Tanah milik bebas dan bangunan RM'000	Tanah pegangan pajak dan bangunan RM'000	Jumlah RM'000
31.12.2011			
Pada 1 Julai 2011	398,570	117,790	516,360
Pelupusan	(1,330)	-	(1,330)
Pengelasan semula	1,060	(1,060)	-
Perubahan nilai saksama	40	-	40
Pada 31 Disember 2011	<u>398,340</u>	<u>116,730</u>	<u>515,070</u>
30.6.2011			
Pada 1 Julai 2010	371,310	117,770	489,080
Perubahan nilai saksama	27,010	20	27,030
Pindahan dari:			
- Sri MLAB (Nota 36)	250	-	250
Pada 30 Jun 2011	<u>398,570</u>	<u>117,790</u>	<u>516,360</u>

Pelaburan hartanah dinyatakan pada nilai saksama selaras dengan dasar-dasar seperti yang diterangkan dalam Nota 2.2 (b).

5. PAJAKAN TANAH PRABAYAR

	31.12.2011 RM'000	3.06.2011 RM'000
Kos		
Pada 1 Julai 2011/ 2010	24,018	11,406
Pelupusan	-	(584)
Pindahan dari:		
- Sri MLAB (Nota 36)	-	13,196
Pada 31 Disember 2011/ 30 Jun 2011	<u>24,018</u>	<u>24,018</u>
Pelunasan terkumpul dan susutnilai		
Pada 1 Julai 2011/ 2010	3,222	1,509
Pelunasan tahun semasa	152	252
Pelupusan	-	(78)
Susutnilai dan kerugian	-	13
Pindahan dari:		
- Sri MLAB (Nota 36)	-	1,526
Pada 31 Disember 2011/ 30 Jun 2011	<u>3,374</u>	<u>3,222</u>
Nilai Buku Bersih	<u>20,644</u>	<u>20,796</u>

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

6. ASET TIDAK KETARA

	Perisian Komputer	
	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
Kos		
Pada 1 Julai 2011/ 2010	43,161	34,713
Pertambahan	3,595	-
Pengelasan semula	20,282	-
Pindahan dari Sri MLAB (Nota 36)	-	8,448
Perbezaan pertukaran	(4)	-
Pada 31 Disember 2011/ 30 Jun 2011	67,034	43,161
Pelunasan terkumpul		
Pada 1 Julai 2011/ 2010	42,998	34,428
Pelunasan tempoh/tahun semasa	1,976	129
Pengelasan semula	47	-
Pelarasan	18	-
Pindahan dari Sri MLAB (Nota 36)	-	8,448
Perbezaan pertukaran	(3)	(7)
Pada 31 Disember 2011/ 30 Jun 2011	45,036	42,998
Nilai Buku Bersih	21,998	163

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	31.12.2011	30.6.2011
	RM1	RM1
Saham tidak disebut harga, pada kos	1	1
Bilangan saham	1	1

Nama syarikat	Kegiatan Utama	Faedah efektif (%)	
		31.12.2011	30.6.2011
Double Care Sdn Bhd ("DCSB") (diperbadankan in Malaysia)	Tidak aktif	100.00	100.00

Pada 26 Oktober 2009, Syarikat telah meluluskan Resolusi Khas untuk memulakan proses pembubaran DCSB. Proses pembubaran tersebut akan selesai setelah memperolehi pelepasan cukai muktamad dari Lembaga Hasil Dalam Negeri.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SEKUTU

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
Saham tidak disebut harga, pada kos	152	152

Nama syarikat	Aktiviti Utama	Faedah Efektif (%)	
		31.12.2011	30.6.2011
Asian Forum Inc. (diperbadankan di Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia)	Insurans kaptif luar pesisir	33.33	33.33

Ringkasan maklumat kewangan syarikat sekutu adalah seperti berikut:

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
Aset dan liabiliti		
Aset semasa	18,355	17,471
Jumlah aset	<u>18,355</u>	<u>17,471</u>
Liabiliti semasa	12,976	11,868
Liabiliti bukan semasa	63	150
Jumlah liabiliti	<u>13,039</u>	<u>12,018</u>
Pembahagian aset bersih @ 33.33%	<u>1,772</u>	<u>1,818</u>
Keputusan		
(Kerugian)/keuntungan selepas cukai	(409)	251
Pembahagian (kerugian)/keuntungan @ 33.33%	<u>(136)</u>	<u>84</u>

Tahun kewangan syarikat sekutu berakhir pada 31 Disember. Untuk tujuan pendedahan di atas, penyata kewangan yang telah diaudit syarikat sekutu dan penyata kewangan pengurusannya bagi tempoh 9 bulan dan 3 bulan berakhir pada 30 September 2011 dan 31 Mac 2011 telah digunakan. Tidak ada perbezaan ketara yang dijangka jika keputusan atau penyata kewangan 31 Disember 2011 dan 30 Jun 2011 digunakan.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

9. PELABURAN

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
Kertas Kerajaan Malaysia	611,682	602,846
Sekuriti Kerajaan Singapura	62,756	57,000
Sekuriti hutang	7,792,532	7,398,197
Ekuiti sekuriti	1,605,186	1,719,509
Unit dan dana amanah harta	79,989	56,410
Deposit berstruktur	342,704	330,671
Sijil deposit boleh niaga	526,588	716,159
Nota asing	221,790	209,132
Deposit dengan institusi kewangan	1,278,365	1,126,369
	<u>12,521,592</u>	<u>12,216,293</u>

Pelaburan kewangan Syarikat adalah diringkaskan oleh kategori seperti berikut:

Sedia untuk jualan ("AFS")	2,499,681	2,478,213
Nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL")		
- ditetapkan atas pengiktirafan awal	7,686,525	7,497,587
- dipegang untuk urus niaga ("HFT")	1,057,021	1,114,124
Pinjaman dan penghutang ("LAR")	1,278,365	1,126,369
	<u>12,521,592</u>	<u>12,216,293</u>

Nilai dibawa pelaburan yang akan matang selepas 12 bulan adalah seperti berikut:

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
AFS	1,128,179	1,004,235
FVTPL		
- ditetapkan atas pengiktirafan awal	7,375,967	7,164,371
-HFT	378,599	313,320
LAR	-	1,000
	<u>8,882,745</u>	<u>8,482,926</u>

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

9. PELABURAN (SAMB)

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
(a) Sedia untuk jualan ("AFS")		
<u>Nilai saksama</u>		
Kertas Kerajaan Malaysia	77,182	84,740
Sekuriti Kerajaan Singapura	62,756	57,000
Sekuriti hutang:		
Disebut harga di luar Malaysia	40,140	42,243
Tidak disebut harga di Malaysia	900,757	789,266
Tidak disebut harga di luar Malaysia	20,004	22,827
Sekuriti ekuiti:		
Disebut harga di Malaysia	1,137,563	1,246,690
Disebut harga di luar Malaysia	72	71
Tidak disebut harga di Malaysia	105,842	105,842
Tidak disebut harga di luar Malaysia	4,414	5,078
Unit dan dana amanah harta:		
Disebut harga di Malaysia	24,800	8,066
Disebut harga di luar Malaysia	25,690	11,114
Tidak disebut harga di Malaysia	4,302	4,302
Tidak disebut harga di luar Malaysia	3,561	10,902
Deposit berstruktur	56,507	54,308
Sijil deposit boleh niaga	36,091	35,764
Jumlah aset kewangan AFS	<u>2,499,681</u>	<u>2,478,213</u>

(b) Nilai saksama melalui untung rugi

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
(i) Ditetapkan atas pengiktirafan awal		
<u>Nilai saksama</u>		
Kertas Kerajaan Malaysia	521,454	512,033
Sekuriti hutang:		
Tidak disebut harga di Malaysia	6,403,809	6,144,931
Deposit berstruktur	286,198	276,363
Sijil deposit boleh niaga	475,064	564,260
	<u>7,686,525</u>	<u>7,497,587</u>

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

9. PELABURAN (SAMB)

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
(b) Nilai saksama melalui untung rugi (Samb)		
(ii) HFT		
<u>Fair value</u>		
Kertas Kerajaan Malaysia	13,045	6,072
Sekuriti hutang:		
Tidak disebut harga di Malaysia	427,822	398,931
Sekuriti ekuiti:		
Disebut harga di Malaysia	357,295	361,829
Unit dan dana amanah harta:		
Disebut harga di Malaysia	1,134	-
Disebut harga di luar Malaysia	20,502	22,025
Sijil deposit boleh niaga	15,433	116,135
Nota asing	221,790	209,132
	<u>1,057,021</u>	<u>1,114,124</u>
 Jumlah aset kewangan FVTPL	 <u>8,743,546</u>	 <u>8,611,711</u>

(c) Pinjaman dan penghutang ("LAR")

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
<u>Nilai saksama</u>		
Deposit tetap dan panggilan dengan:		
Bank berlesen	991,892	841,248
Lain-lain	286,473	285,121
Jumlah aset kewangan LAR	<u>1,278,365</u>	<u>1,126,369</u>
	<u>12,521,592</u>	<u>12,216,293</u>

Amaun LAR dibawa seperti yang dinyatakan di atas menyamai nilai saksama pada tarikh pelaporan yang disebabkan oleh kematangan jangka pendek aset kewangan.

(d) Nilai saksama Pelaburan Kewangan

Analisis bagi asas berbeza yang digunakan untuk menganggarkan nilai saksama pelaburan dinyatakan di dalam Nota 40(a) kepada penyata kewangan ini.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

9. PELABURAN (SAMB)

Termasuk dalam aset kewangan AFS adalah aset yang disandarkan untuk mendapatkan kemudahan perbankan dari Malayan Banking Berhad ("MBB") yang berjumlah RM45,760,000 (30.6.2011: RM45,760,000).

10. PENGHUTANG PEMBIAYAAN

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
Polisi/pinjaman premium automatik	228,346	229,206
Pinjaman korporat	11,550	43,733
Pinjaman kakitangan:		
Bercagar	22,948	25,189
Tidak bercagar	126	153
Lain-lain	21,382	21,457
Faedah dalam pergantungan	(6,371)	(6,092)
Peruntukan bagi kerugian kerosotan nilai	(1,889)	(1,730)
	<u>276,092</u>	<u>311,916</u>
Boleh diterima selepas 12 bulan	<u>84,579</u>	<u>88,749</u>

Baki diatas adalah menanggung faedah. Amaun dibawa menyamai nilai saksama memandangkan kesan pendiskaunan adalah tidak material.

Purata wajaran kadar faedah efektif sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	31.12.2011	30.6.2011
Polisi/pinjaman premium automatik	8.00%	8.00%
Pinjaman korporat	7.68%	5.73%
Pinjaman kakitangan	3.10%	3.07%

11. ASET REINSURANS

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
Bahagian liabiliti kontrak insurans hayat syarikat reinsurans	36,958	36,966
Bahagian liabiliti kontrak insurans am syarikat reinsurans	1,400,463	1,281,405
	<u>1,437,421</u>	<u>1,318,371</u>

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

12. PENGHUTANG INSURANS

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
Premium kena dibayar termasuk ejen/broker dan baki syarikat	229,959	280,889
Kena dibayar daripada syarikat reinsurans dan pengesid	98,560	65,601
	<u>328,519</u>	<u>346,490</u>
Peruntukan bagi kerugian kerosotan nilai	(50,187)	(56,556)
	<u>278,332</u>	<u>289,934</u>

13. LAIN-LAIN PENGHUTANG

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
Penghutang runcit, deposit dan prabayaran	49,906	43,301
Peruntukan bagi kerugian kerosotan nilai	(1,175)	(1,162)
	<u>48,731</u>	<u>42,139</u>
Pendapatan dan keuntungan kena dibayar dan terakru	122,598	116,210
Peruntukan bagi kerugian kerosotan nilai	(3,359)	(128)
	<u>119,239</u>	<u>116,082</u>
Jumlah kena dibayar daripada syarikat berkaitan	2,323	6,479
JUMLAH	<u>170,293</u>	<u>164,700</u>

Amaun dibawa menyamai nilai saksama disebabkan oleh kematangan jangka pendek baki-baki ini. Jumlah kena dibayar daripada syarikat berkaitan adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas tuntutan.

9557 T

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

14. ASET DERIVATIF

	31.12.2011			Jumlah dibawa bersih RM'000	30.6.2011			Jumlah dibawa bersih RM'000
	Kontrak/ Jumlah Nosional RM'000	Aset RM'000	Liabiliti RM'000		Kontrak/ Jumlah Nosional RM'000	Aset RM'000	Liabiliti RM'000	
Derivatif lindung:								
Kontrak kehadapan pertukaran asing								
	8,330	-	(348)	(348)	-	-	-	-
Derivatif bukan-lindung:								
Semasa								
Swap Prinsipal Sahaja	263,188	33,140	-	33,140	263,188	39,535	-	39,535
Opsyen	286,422	29	-	29	303,528	1,866	-	1,866
		<u>33,169</u>	<u>(348)</u>	<u>32,821</u>		<u>41,401</u>	<u>-</u>	<u>41,401</u>
Bukan semasa								
Swap silang matawang	23,471	186	-	186	23,471	381	-	381
Jumlah derivatif		<u>33,355</u>	<u>(348)</u>	<u>33,007</u>		<u>41,782</u>	<u>-</u>	<u>41,782</u>
Jumlah aset kewangan dipegang untuk urus niaga		<u>33,355</u>	<u>(348)</u>	<u>33,007</u>		<u>41,782</u>	<u>-</u>	<u>41,782</u>

Nilai saksama aset derivatif adalah diperolehi berdasarkan teknik penilaian dari input yang dapat dilihat di pasaran. Kesemua aset dinilai semula pada tarikh penyata kedudukan kewangan, yang mana penilaian disediakan oleh pihak-pihak kaunter masing-masing yang menggunakan konvensyen pasaran.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

15. MODAL SAHAM

	Bilangan Saham		Jumlah	
	31.12.2011 '000	30.6.2011 '000	31.12.2011 RM'000	30.6.2011 RM'000
Dibenarkan:				
Saham biasa bernilai RM1.00 sesaham				
Pada permulaan dan akhir tempoh/ tahun	500,000	500,000	500,000	500,000
Diterbitkan dan Berbayar:				
Saham biasa bernilai RM1.00 sesaham				
Pada permulaan dan akhir tempoh/ tahun	152,151	152,151	152,151	152,151

16. RIZAB

	31.12.2011 RM'000	30.6.2011 RM'000
Tidak boleh diagih:		
Premium saham:		
Pada permulaan dan akhir tempoh/tahun kewangan	17,728	17,728
Rizab AFS	51,578	61,978
Lain-lain rizab:		
Rizab penilaian semula	11,647	11,887
Rizab terjemahan mata wang	937	2,632
	12,584	14,519
Boleh Diagih:		
Keuntungan tertahan	1,275,555	1,308,919
Jumlah rizab	1,357,445	1,403,144

Rizab AFS Syarikat timbul daripada perubahan dalam nilai saksama aset pelaburan.

Rizab terjemahan matawang digunakan untuk merekod perbezaan pertukaran timbul daripada terjemahan penyata kewangan operasi asing yang mata wang kefungsiannya adalah berbeza daripada mata wang pembentangan Syarikat.

Rizab penilaian semula Syarikat timbul daripada pergerakan nilai saksama ke atas hartanah pelaburan atas pemindahan daripada hartanah, loji dan peralatan.

9557 T

**ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

17. LIABILITI KONTRAK INSURANS

	31.12.2011			30.6.2011		
	Kasar RM'000	Reinsurans RM'000	Bersih RM'000	Kasar RM'000	Reinsurans RM'000	Bersih RM'000
Insurans hayat (Nota A)	11,175,119	(36,958)	11,138,161	10,967,150	(36,966)	10,930,184
Insurans am (Nota B)	2,209,637	(1,400,463)	809,174	2,069,969	(1,281,405)	788,564
	<u>13,384,756</u>	<u>(1,437,421)</u>	<u>11,947,335</u>	<u>13,037,119</u>	<u>(1,318,371)</u>	<u>11,718,748</u>

(A) Insurans hayat

Liabiliti kontrak insurans hayat dan pergerakan seterusnya dianalisis seperti berikut:

(i) Liabiliti kontrak insurans hayat

	31.12.2011			30.6.2011		
	Kasar RM'000	Reinsurans RM'000	Bersih RM'000	Kasar RM'000	Reinsurans RM'000	Bersih RM'000
Liabiliti tuntutan	56,841	(2,688)	54,153	65,426	(1,274)	64,152
Liabiliti aktuari	7,897,487	(34,270)	7,863,217	7,714,233	(35,692)	7,678,541
Lebihan tidak diperuntukkan	1,733,462	-	1,733,462	1,723,480	-	1,723,480
Rizab tersedia untuk jualan	165,231	-	165,231	256,315	-	256,315
Aset nilai bersih yang boleh diagih kepada pemegang unit (Nota 44)	1,322,098	-	1,322,098	1,207,696	-	1,207,696
	<u>11,175,119</u>	<u>(36,958)</u>	<u>11,138,161</u>	<u>10,967,150</u>	<u>(36,966)</u>	<u>10,930,184</u>

9557 T

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

17. LIABILITI KONTRAK INSURANS (SAMB)

(A) Insurans hayat (Samb)

(ii) Pergerakan liabiliti kontrak insurans hayat

	Peruntukan untuk tuntutan RM'000	Aset bersih diagih kepada pemegang unit RM'000	AFS RM'000	Liabiliti Aktuari RM'000	Lebihan RM'000	Kasar RM'000	Reinsurans RM'000	Jumlah Liabiliti RM'000
31.12.2011								
Pada 1 Julai 2011	65,426	1,207,696	256,315	7,714,233	1,723,480	10,967,150	(36,966)	10,930,184
Premium terperoleh	-	283,513	-	-	391,224	674,737	(12,569)	662,168
Lain-lain hasil	-	5,610	-	-	384,331	389,941	2,540	392,481
Manfaat dan tuntutan	(8,585)	(173,837)	-	-	(606,875)	(789,297)	8,615	(780,682)
Lain-lain perbelanjaan	-	(14)	-	-	(111,847)	(111,861)	-	(111,861)
Perubahan dalam rizab:								
- Pendiskaunan	-	-	-	130,741	(130,741)	-	(345)	(345)
- Andaian	-	-	-	-	-	-	-	-
- Dasar pergerakan polisi	-	-	-	52,513	245,126	297,639	1,767	299,406
Perubahan dalam AFS	-	-	(99,004)	-	-	(99,004)	-	(99,004)
Cukai	-	(870)	7,920	-	(30,636)	(23,586)	-	(23,586)
Pindahan kepada pemegang saham	-	-	-	-	(130,600)	(130,600)	-	(130,600)
Pada 31 Disember 2011	56,841	1,322,098	165,231	7,897,487	1,733,462	11,175,119	(36,958)	11,138,161

9557 T

**ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

17. LIABILITI KONTRAK INSURANS (SAMB)

(A) Insurans hayat (Samb)

(ii) Pergerakan liabiliti kontrak insurans hayat (Samb)

	Peruntukan untuk tuntutan RM'000	Aset bersih diagih kepada pemegang unit RM'000	AFS RM'000	Liabiliti Aktuari RM'000	Lebihan RM'000	Kasar RM'000	Reinsurans RM'000	Jumlah Liabiliti RM'000
30.6.2011								
Pada 1 Julai 2010	16,100	-	126,569	3,612,377	687,234	4,442,280	(34,856)	4,407,424
Pindahan dari Sri MLA (Nota 36)	32,168	1,465,879	80,060	3,910,078	971,539	6,459,724	(1,133)	6,458,591
Premium terperoleh	-	143,422	-	-	618,092	761,514	(20,834)	740,680
Lain-lain hasil	-	44,018	-	-	608,673	652,691	16,448	669,139
Manfaat dan tuntutan	17,158	(441,019)	-	-	(561,149)	(985,010)	4,245	(980,765)
Lain-lain perbelanjaan	-	(39)	-	-	(172,662)	(172,701)	-	(172,701)
Perubahan dalam rizab:								
- Pendiskaunan	-	-	-	145,257	(145,257)	-	(110)	(110)
- Andaian	-	-	-	52,479	(52,479)	-	(2,399)	(2,399)
- Dasar pergerakan polisi	-	-	-	(5,958)	21,277	15,319	1,673	16,992
Perubahan dalam AFS	-	-	54,006	-	-	54,006	-	54,006
Cukai	-	(4,565)	(4,320)	-	(10,965)	(19,850)	-	(19,850)
Pindahan kepada pemegang saham	-	-	-	-	(240,823)	(240,823)	-	(240,823)
Pada 30 Jun 2011	65,426	1,207,696	256,315	7,714,233	1,723,480	10,967,150	(36,966)	10,930,184

Termasuk dalam komponen lebihan yang tidak diperuntukkan liabiliti kontrak insurans adalah jumlah sebanyak RM1,313,919,501 (30.6.2011: RM1,306,229,209), merupakan lebihan terkumpul Dana Bukan Sertaaan Syarikat tolak anggaran liabiliti aktuari bagi Dana (secara kolektif dirujuk sebagai "leihan tidak diperuntukkan Bukan Sertaaan"). Selaras dengan FRS 4 dan Rangka Kerja bagi Penyediaan dan Pembentangan Penyata Kewangan ("FRS Rangka Kerja"), lebihan tidak diperuntukkan Bukan Sertaaan tidak memenuhi definisi liabiliti, iaitu, obligasi syarikat yang timbul daripada peristiwa masa lalu, penyelesaian yang dijangka menyebabkan aliran keluar manfaat ekonomi sebagai lebihan tidak diperuntukkan Bukan Sertaaan mewakili kepentingan sisa dalam aset Dana Bukan Sertaaan setelah mempertimbangkan semua liabiliti. Disamping itu, selaras dengan FRS 139, rizab tersedia untuk jualan Dana Bukan Sertaaan berjumlah RM59,580,280 (30.6.2011: RM87,724,259) perlu diambil kira sebagai ekuiti Syarikat.

Selaras dengan kehendak Garis Panduan yang dikeluarkan oleh BNM, Syarikat telah terus mengklasifikasikan lebihan tidak diperuntukkan Bukan Sertaaan dan rizab tersedia untuk jualan dana insurans hayat sebagai liabiliti kontrak insurans. Ini adalah pengubahsuaian kepada FRS yang telah diluluskan oleh BNM dibawah Seksyen 90 Akta Insurans, 1996. Sekiranya Syarikat menggunakan keperluan Piawai dan Rangka Kerja FRS, liabiliti kontrak insurans Syarikat telah menurun sebanyak RM1,373,499,781 (30.6.2011: RM1,393,953,468); seterusnya, keuntungan tertahan dan rizab tersedia untuk jualan Syarikat akan lebih tinggi sebanyak RM1,313,919,501 dan RM59,580,280 (30.6.2011: RM1,306,229,209 dan RM87,724,259) masing-masing.

9557 T

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

17. LIABILITI KONTRAK INSURANS (SAMB)

(B) Insurans am

	31.12.2011			30.6.2011		
	Kasar RM'000	Reinsurans RM'000	Bersih RM'000	Kasar RM'000	Reinsurans RM'000	Bersih RM'000
Liabiliti tuntutan (i)	1,557,663	(1,067,965)	489,698	1,352,205	(888,082)	464,123
Liabiliti premium (ii)	651,974	(332,498)	319,476	717,764	(393,323)	324,441
	<u>2,209,637</u>	<u>(1,400,463)</u>	<u>809,174</u>	<u>2,069,969</u>	<u>(1,281,405)</u>	<u>788,564</u>

(i) Liabiliti tuntutan

	31.12.2011			30.6.2011		
	Kasar RM'000	Reinsurans RM'000	Bersih RM'000	Kasar RM'000	Reinsurans RM'000	Bersih RM'000
Pada 1 Julai 2011/ 2010	1,352,205	(888,082)	464,123	1,135,204	(697,839)	437,365
Tuntutan yang ditanggung dalam tempoh kemalangan semasa	460,465	(159,229)	301,236	744,252	(424,207)	320,045
Pergerakan lain dalam tuntutan yang ditanggung dalam tahun kemalangan lepas	(278,534)	124,217	(154,317)	(14,154)	11,050	(3,104)
Tuntutan dibayar pada tempoh/tahun	(212,456)	68,389	(144,067)	(535,115)	236,405	(298,710)
Pergerakan dalam Kerugian tidak diagihkan Pelarasan Perbelanjaan ("ULAE")	(390)	345	(45)	5,484	(3,828)	1,656
Pergerakan dalam PRAD	236,373	(213,605)	22,768	16,534	(9,663)	6,871
Pada 31 Disember 2011/ 30 Jun 2011	<u>1,557,663</u>	<u>(1,067,965)</u>	<u>489,698</u>	<u>1,352,205</u>	<u>(888,082)</u>	<u>464,123</u>

(ii) Liabiliti premium

	31.12.2011			30.6.2011		
	Kasar RM'000	Reinsurans RM'000	Bersih RM'000	Kasar RM'000	Reinsurans RM'000	Bersih RM'000
Pada 1 Julai 2011/ 2010	717,764	(393,323)	324,441	630,324	(314,876)	315,448
Premium yang ditulis dalam tempoh/tahun	568,624	(286,494)	282,130	1,253,934	(678,847)	575,087
Premium yang diperolehi pada tempoh/tahun	(634,414)	347,319	(287,095)	(1,166,494)	600,400	(566,094)
Pada 31 Disember 2011/ 30 Jun 2011	<u>651,974</u>	<u>(332,498)</u>	<u>319,476</u>	<u>717,764</u>	<u>(393,323)</u>	<u>324,441</u>

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

18. CUKAI TERTUNDA

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
Pada 1 Julai 2011/2010	(79,662)	(37,744)
Pemindahan daripada Sri MLAB (Nota 36)	-	(28,893)
Diiktiraf dalam :		
Penyata pendapatan (Nota 31)	(7,192)	(5,776)
Lain-lain pendapatan komprehensif	3,779	(2,938)
Liabiliti kontrak insurans (Nota 17)	7,920	(4,320)
Perbezaan pertukaran	2	9
Pada 31 Disember 2011/30 Jun 2011	<u>(75,153)</u>	<u>(79,662)</u>

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangkan apabila terdapat hak kuasa perundangan bagi mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila cukai pendapatan tertunda tersebut berkaitan dengan pihak berkuasa fiskal yang sama. Cukai tertunda bersih yang ditunjukkan dalam lembaran imbalan ditentukan setelah pengimbangan yang sewajarnya.

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
Dibentangkan selepas pengimbangan sewajarnya seperti berikut:		
Aset cukai tertunda	14,661	17,457
Liabiliti cukai tertunda	(89,814)	(97,119)
	<u>(75,153)</u>	<u>(79,662)</u>

9557 T

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

18. CUKAI TERTUNDA (SAMB)

Komponen dan perubahan liabiliti dan aset cukai tertunda sepanjang tahun kewangan sebelum pengimbangan adalah seperti berikut:

Aset Cukai Tertunda

	Kerosotan Nilai Penghutang RM'000	Premium Pelunasan RM'000	Liabiliti Insurans Am RM'000	Kerosotan Ke Atas Pelaburan RM'000	Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
31.12.2011						
Pada 1 Julai 2011	13,161	416	1,176	2,387	317	17,457
Diiiktiraf dalam :						
Penyata pendapatan	(2,480)	(416)	(407)	822	(317)	(2,798)
Perbezaan pertukaran	2	-	-	-	-	2
Pada 31 Disember 2011	<u>10,683</u>	<u>-</u>	<u>769</u>	<u>3,209</u>	<u>-</u>	<u>14,661</u>
30.6.2011						
Pada 1 Julai 2010	7,681	843	1,054	-	366	9,944
Pemindahan daripada Sri MLAB (Nota 36)	-	-	-	1,906	-	1,906
Diiiktiraf dalam :						
Penyata pendapatan	5,471	(427)	122	481	(49)	5,598
Perbezaan pertukaran	9	-	-	-	-	9
Pada 30 Jun 2011	<u>13,161</u>	<u>416</u>	<u>1,176</u>	<u>2,387</u>	<u>317</u>	<u>17,457</u>

9557 T

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

18. CUKAI TERTUNDA (SAMB)

Aset Cukai Tertunda

	Elaun Modal Dipecut RM'000	Pemberian Bersih Diskaun Pelaburan RM'000	Pelarasan Nilai RM'000	Rizab AFS RM'000	Lain-lain RM'000	Unit Berkait RM'000	Jumlah RM'000
31.12.2011							
Pada 1 Julai 2011	(939)	(14,368)	(37,101)	(40,759)	-	(3,952)	(97,119)
Diiiktiraf dalam :							
Penyata pendapatan	257	788	(6,959)	-	-	1,520	(4,394)
Lain-lain pendapatan komprehensif	-	-	-	3,779	-	-	3,779
Liabiliti kontrak insurans	-	-	-	7,920	-	-	7,920
Pada 31 Disember 2011	<u>(682)</u>	<u>(13,580)</u>	<u>(44,060)</u>	<u>(29,060)</u>	<u>-</u>	<u>(2,432)</u>	<u>(89,814)</u>
30.6.2011							
Pada 1 Julai 2010	(1,885)	(4,947)	(16,984)	(22,638)	(1,234)	-	(47,688)
Pemindahan daripada Sri MLAB (Nota 36)	(182)	(6,363)	(11,095)	(10,863)	-	(2,296)	(30,799)
Diiiktiraf dalam :							
Penyata pendapatan	1,128	(3,058)	(9,022)	-	1,234	(1,656)	(11,374)
Lain-lain pendapatan komprehensif	-	-	-	(2,938)	-	-	(2,938)
Liabiliti kontrak insurans	-	-	-	(4,320)	-	-	(4,320)
Pada 30 Jun 2011	<u>(939)</u>	<u>(14,368)</u>	<u>(37,101)</u>	<u>(40,759)</u>	<u>-</u>	<u>(3,952)</u>	<u>(97,119)</u>

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

19. PEMIUTANG INSURANS

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
Kena dibayar kepada ejen dan perantara	44,629	42,565
Kena dibayar kepada syarikat reinsurans dan mengesid	287,034	279,766
	<u>331,663</u>	<u>322,331</u>

Amaun di bawa menyamai nilai saksama disebabkan oleh kematangan jangka pendek baki ini.

20. LAIN-LAIN PEMIUTANG

	31.12.2011	30.6.2011
	RM'000	RM'000
Deposit premium	45,115	51,795
Dividen perlu dibayar kepada pemegang-pemegang polisi	64,903	60,414
Jumlah kena dibayar kepada syarikat berkaitan *	8,837	4,343
Jumlah kena dibayar kepada broker saham	22,653	73,103
Pemiutang runcit dan liabiliti terakru	119,684	143,117
	<u>261,192</u>	<u>332,772</u>

* Amaun kena dibayar kepada syarikat berkaitan adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas tuntutan.

Amaun dibawa dinyatakan diatas menyamai nilai saksama pada tarikh pelaporan. Semua jumlah perlu dibayar dalam masa satu tahun.

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

21. HASIL KENDALIAN

	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.7.2010 hingga 30.6.2011 RM'000
Premium kasar (Nota 22)	1,243,361	2,015,448
Pendapatan pelaburan (Nota 24)	294,347	488,938
	<u>1,537,708</u>	<u>2,504,386</u>

22. PREMIUM TERPEROLEH BERSIH

	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.7.2010 hingga 30.6.2011 RM'000
(a) Premium teroleh kasar		
Insurans kontrak hayat	674,737	761,514
Insurans kontrak am	568,624	1,253,934
	<u>1,243,361</u>	<u>2,015,448</u>
Perubahan dalam liabiliti premium	65,790	(87,440)
	<u>1,309,151</u>	<u>1,928,008</u>
(b) Premium disid		
Insurans kontrak hayat	(12,569)	(20,834)
Insurans kontrak am	(286,494)	(678,847)
	<u>(299,063)</u>	<u>(699,681)</u>
Perubahan dalam liabiliti premium	(60,825)	78,447
	<u>(359,888)</u>	<u>(621,234)</u>
Premium terperoleh bersih	<u>949,263</u>	<u>1,306,774</u>

23. PENDAPATAN YURAN DAN KOMISEN

	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.7.2010 hingga 30.6.2011 RM'000
Pendapatan komisen penginsurans semula	27,703	68,064
	<u>27,703</u>	<u>68,064</u>

ETIQA INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

24. PENDAPATAN PELABURAN

	1.7.2011 hingga 31.12.2011 RM'000	1.7.2010 hingga 30.6.2011 RM'000
Aset kewangan pada FVTPL		
(i) Ditetapkan sebagai FVTPL		
Pendapatan faedah	173,918	272,431
(ii) HFT		
Pendapatan faedah	11,937	20,801
Pendapatan dividen		
